

## Karangan Deskriptif 8

**Kamu berhadapan dengan satu keadaan yang memerlukan kamu membuat satu keputusan yang penting. Gambarkan peristiwa itu dan perasaan kamu terhadap peristiwa itu. [Incident]**

**Introduction**

Fly on a Wall

- Suspense Element

*Incident*

Suasana tegang di dewan rumah seolah-olah akan meretakkan gelas-gelas minuman yang dihidangkan untuk tetamu yang bertandang. Bukannya kata-kata punca ketegangan itu Akan tetapi, suasana tidak selesa yang tiba-tiba menyelimuti semua yang hadir menyebabkan lidah mereka kelu tidak berkata. Inilah yang selalu terjadi apabila si ayah datang dengan isteri keduanya setiap kali hari raya. Kehadiran mereka sepertinya tidak disenangi oleh si ibu dan si datuk. Seperti biasa, si anak akan dijemput oleh si ayah untuk bersama keluarga barunya pada hujung minggu pertama dan kedua hari raya, sedangkan bahagian si ibu bersama anaknya pula hanya pada hujung minggu ketiga dan terakhir bulan syawal. Rasanya tidak adil pembahagian masa bagi si ibu. Alasan si ayah mudah – si anak pilih untuk tinggal dengan ibu dan datuknya dan oleh itu, si ibu boleh membawa si anak jalan raya pada hari-hari biasa. Malangnya, peluang itu tidak pernah muncul tiba kerana si ibu sibuk bekerja setelah diceraikan oleh si ayah. Lazimnya, si anak tidak pernah mengomel. Malah, dia terus memainkan peranan melayankan sahaja kerehah kedua-dua orang ibu bapanya. Sayangnya karehah mereka tidak berakhir di situ sahaja. Setiap kali bersama mereka, telinga si anak akan diisi dengan tomahan-tomahan keluarga. Si ayah akan memburuk-burukkan keluarga sebelah si ibu yang dituduhnya menjadi punca penceraian mereka. Ini dia lakukan supaya si anak tidak mahu menziarahi keluarga sebelah si ibu. Si ibu pula akan melakukan perkara yang sama juga. Namun, hari raya kali ini berputik semacam kesedaran dalam diri si anak yang menginginkan perubahan. Dia sedar yang dia harus mengambil satu keputusan penting untuk merealisasikan perubahan yang didambakannya itu [INCIDENT].

Presenting the Incident

- Unravelling the Mystery
- Background Information

Si anak adalah aku dan tahun itu sudah masuk tahun keempat ibu dan ayahku berpisah. Aku adalah satu-satunya anak mereka. Setiap kali Syawal tiba, begitulah cara aku menyambut bulan yang mulia ini. Bilakah ibu dan ayahku boleh berbaik-baik kembali dan jalan raya bersama sebagai satu keluarga. Bilakah tomahan-tomahan untuk memburuk-burukkan nama baik antara keluarga masing-masing dihentikan. Aku damba sekali saat sedemikian. Aku membuat keputusan untuk tidak menuruti kehendak kedua-dua ibu bapaku untuk hari raya tahun ini. Aku letakkan syarat jika mereka ingin aku bersama mereka. Syaratku mudah. Jika mereka menziarahi keluarga terdekat, aku inginkan kedua-dua ibu dan ayahku untuk ikut serta. Akan tetapi, jika ayahku inginkan aku mengikutnya menziarahi keluarga sebelah isteri keduanya, ibu boleh membuat pilihan untuk